

ADAB UNGGUL ISLAM DALAM PERSAHABATAN ANTARA INSAN (Islamic Outstanding Manners in Friendship Amongst Human)

* Azmin Yusof¹, Muhamad Ismail Abdullah¹

¹Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: azmin@kuis.edu.my

Article History:

Submit: 25 May 2017

Accepted: 8 July 2017

Revised: 24 October 2017

Published: 28 December 2017

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 1, No. 2 (2017), 102-112

Abstrak

Manusia adalah makhluk yang bersosial dan saling berinteraksi. Bagi memenuhi tujuan tersebut manusia dijadikan hidup berpasangan, berkeluarga, berjiran, bersahabat dan bermasyarakat. Dalam konteks ini persahabatan adalah sesuatu yang unik kerana hubungannya yang merentas agama, kaum, jantina, geografi dan latarbelakang. Kepentingan sahabat dan persahabatan tidak dapat dinafikan kerana ia bukan sahaja hubungan yang berakhir di dunia bahkan turut dipersoalkan di akhirat. Oleh itu, bagi menjaga kerukunan hubungan persahabatan ini ada beberapa adab dan etika yang perlu diamalkan. Berpandukan al-Quran dan Sunnah, kajian ini cuba mengemukakan beberapa adab dan etika yang telah dianjurkan dalam Islam. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa Islam amat mengambil berat terhadap hubungan persahabatan dengan menggariskan beberapa kod etika yang penting.

Kata kunci: Persahabatan, Adab, Al-Quran, Sunnah

Abstract

Human is a type of being that socializes and interacts with one another. In fulfilling the mentioned purpose, human is made to live in pair, have family, have neighbor, make friends and live in society. In this context, friendship is a unique quality due to its nature that crosses religion, race, gender, geography and background. The importance of friends and friendship cannot be denied as it lasts in the world and be made accountable in the hereafter. Hence, in managing the harmony of friendship, there are some manners and ethics that needed to be practiced. Based on al-Quran and Sunnah, this study attempts to present some manners and ethics as proposed in Islam. The finding in this study found that Islam truly concerns towards friendship by outlining several important code of ethics.

Keywords: friendship, manner, al-Quran, Sunnah

1.0 PENDAHULUAN

Kehidupan manusia memerlukan satu bentuk kerjasama dan pergaulan antara satu sama lain dalam sesebuah komuniti. Manusia pada tabiatnya tidak dapat hidup berkeseorangan atau terpencil dari yang lain. Ia memerlukan kepada sahabat atau teman yang menemaninya sepanjang kehidupan.

Persahabatan ialah suatu ikatan ukhuwah atau jalinan sosial antara manusia. Manusia sebagai makhluk yang diciptakan Allah S.W.T tidak dapat memainkan peranan sebagai khilafah di atas muka bumi tanpa bersosial dan bergaul serta berinteraksi sesama mereka.

Dengan ini wajarlah manusia memerlukan sahabat yang sentiasa mendokong atau mendorong untuk melakukan kebaikan dan menjauhi kejahatan. Islam menyeru umatnya supaya bersahabat dengan orang yang baik dan bermoral tinggi supaya dapat diteladani akhlak mulia dan budi pekertinya yang baik. Sebaliknya jika bersahabat dengan orang yang jahat sedikit sebanyak akan mendorong seorang ke kancah negatif atau maksiat. Justeru, Islam memandang berat terhadap perkara ini sebagaimana Rasulullah S.A.W. telah bersabda:

حديث أبي موسى رضي الله عنه عن النبي ﷺ قال : مَثَلُ الْجَلِيسِ الصَّالِحِ وَالسَّوِّءِ كَمَثَلِ الْمِسْكِ وَنَافِخِ الْكَبِيرِ، فَحَابِلُ الْمِسْكِ إِمَّا أَنْ يُخْدِرَكَ، وَإِمَّا أَنْ تَبْتَاعَ مِنْهُ، وَإِمَّا أَنْ تَجِدَ مِنْهُ رِيحًا طَيِّبَةً، وَنَافِخِ الْكَبِيرِ إِمَّا أَنْ يُحْرِقَ ثِيَابَكَ، وَإِمَّا أَنْ تَجِدَ رِيحًا خَبِيثَةً.

Maksudnya: Daripada Abu Musa r.a, nabi Muhammad S.A.W bersabda: “Perumpamaan bersahabat dengan orang baik atau orang jahat itu seperti berkawan dengan seorang yang membawa wangian kasturi atau berkawan dengan seorang tukang besi. Pembawa wangian kasturi itu sama ada ia memberikannya kepadamu atau kamu membeli wangian tersebut darinya ataupun (paling tidak) kamu akan dapat menghidu wangian haruman tersebut. Manakala tukang besi pula, sama ada ia membakar pakaian kamu, atau kamu (hanya) akan mendapat bau yang busuk darinya.” (al-Bukhari:5534, 1998).

Perumpamaan ini jelas menunjukkan bahawa sahabat yang baik boleh mendorong seseorang untuk melakukan kebaikan sama ada melalui nasihat yang baik, tunjuk ajar yang berkesan, serta teladan yang boleh dicontohi. Manakala bersahabat dengan orang yang baik, akan membina persepsi yang baik pada diri seseorang dalam masyarakat.

Sebaliknya, kawan yang tidak baik itu secara sedar atau tidak akan mendorong seseorang kepada melakukan perkara-perkara negatif seperti menuturkan perkataan yang keji, mengajak melakukan maksiat, mempamerkan pergaulan yang tidak bermoral dan sebagainya. Ini seterusnya akan mengukuhkan lagi persepsi umum bahawa dia adalah seorang yang jahat atau berpotensi menjadi jahat sebagaimana sahabatnya.

Oleh kerana hubungan persahabatan ini sangat penting, maka ia perlu diberikan perhatian agar tidak menimbulkan masalah. Bahkan dalam sesetengah keadaan, hubungan persahabatan bertukar kepada permusuhan atau konflik. Menjadi lebih malang lagi sekiranya permusuhan dan konflik tersebut diheret hingga ke hari kiamat. Firman Allah S.W.T:

الْأَجَلَاءُ يُؤْمِدُ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ عَدُوًّا إِلَّا الْمُتَّقِينَ

Maksudnya: Pada hari itu sahabat-sahabat karib; setengahnya akan menjadi musuh kepada setengah yang lain, kecuali orang-orang yang persahabatannya berdasarkan taqwa (iman dan amal salih).

(Az-Zukhruf:67)

Oleh itu, antara perkara yang wajar diberi perhatian dalam persahabatan ialah adab dan etika. Penghayatan kepada adab amat penting untuk menjamin hubungan persahabatan supaya lebih mesra, harmoni dan berkat.

Justeru itu, tulisan ini cuba untuk membuat sorotan kepada definisi persahabatan, adab-adab persahabatan dalam Islam dan tema persahabatan sebagaimana yang disebut dalam al-Quran dan hadis.

2.0 DEFINISI SAHABAT DARI SEGI BAHASA DAN ISTILAH

Kalimah ‘sahabat’ berasal dari kalimah arab. Menurut kamus *Lisan al-Arab* ia berakar daripada kalimah *sahiba, sahibahu, yushibuhu, sahubatan* (صَحِبَ، صَحِبَهُ، يُصَحِّبُهُ، صُحْبَةً) dengan membaca huruf *sad* berbaris hadapan (صُ) dan *sahabatan* (صَحَابَةً) dengan huruf *sad* baris dua di atas, yang bererti dampingan atau teman (Ibn Manzur, 1997).

Sahabat juga disebut dengan kalimah *musahiban* (مُصَاحِبًا) yang bererti, sahabat atau pendampingnya. Disebut juga, kalimah *wastahaba rajulan* (وَاصْطَحَبَ رَجُلًا) *watasahuba* (وَتَصَاحَبَ) iaitu bersahabat antara satu sama lain. Begitu juga, kalimah *wastahab al-qawm* (وَاصْطَحَبَ الْقَوْمَ) iaitu bersahabat antara kaum (Ibn Manzur, 1997). Sementara dalam bahasa Melayu sahabat ditakrifkan sebagai kawan, teman atau taulan (Noresah, 2010).

Persahabatan ialah satu bentuk pergaulan, kebersamaan, pendampingan dan saling memberi berkomitmen antara satu sama lain, sama ada melalui fizikal atau sebagainya. Kesemua perkara ini merupakan asas persahabatan dalam Islam, yang melahirkan pertolongan dan semangat ukhuwah yang tinggi. Tidak dikatakan sahabat kecuali mereka yang telah banyak memberi komitmen dalam persahabatan. Malah, nilai persahabatan lebih tinggi daripada pergaulan kerana persahabatan memerlukan tempoh pergaulan yang panjang. Maka setiap persahabatan boleh dikatakan pergaulan tetapi bukan setiap pergaulan itu boleh dikatakan persahabatan (al-Zubaidi, 2002).

Ringkasnya, sahabat dari segi bahasa ialah pendamping atau teman, manakala dari segi istilah sahabat ialah mereka yang tidak bercakap bohong dengan saudaranya. Setiap percakapan selari dengan apa yang ada dalam hatinya. Selain itu, sahabat juga ialah mereka yang selalu bergaul, bersama dan berdampingan dengan seseorang serta menjaga dan memelihara hubungan persahabatan tersebut.

Oleh itu, sahabat ialah seorang yang setia dan sentiasa bersama rakannya. Perhubungan ini terjalin melalui pergaulan, pertolongan, dokongan dan kebersamaan dalam aktiviti kehidupan sama ada sewaktu bekerja, belajar, berorganisasi atau sebagainya dilakukan semata-mata kerana Allah S.W.T.

3.0 SAHABAT DALAM AL-QURAN AL-KARIM

Kalimah sahabat terdapat dalam al-Quran al-Karim lebih dari 20 tempat. Ini menunjukkan bahawa kalimah sahabat itu mempunyai nilai yang mulia hingga diabadikan dalam kalam Allah S.W.T. Antara ayat tersebut adalah seperti firman Allah S.W.T:

مَا ضَلَّ صَاحِبُكُمْ وَمَا غَوَىٰ

Maksudnya: Rakan kamu (Nabi Muhammad yang kamu tuduh dengan berbagai tuduhan itu), tidaklah ia menyelewang (dari jalan yang benar), dan ia pula tidak sesat (dengan kepercayaan yang salah).

(Al-Najm:2)

Ibn Kathir (1992) menegaskan bahawa ayat ini merupakan penyaksian terhadap Rasulullah S.A.W sebagai sahabat kepada kaum Quraisy. Baginda adalah seorang penunjuk kepada jalan kebenaran dan bukan jalan yang sesat, bukan juga seorang yang jahil dan berjalan di atas jalan yang bengkok.

Maksud ayat tersebut adalah penafian keraguan terhadap sahabat Quraisy (Muhammad) itu sebagai seorang yang sesat dari jalan yang benar atau hidayah (al-Sabuni, 1997).

Firman Allah S.W.T:

وَمَا صَاحِبُكُمْ بِمَجْنُونٍ

Maksudnya: Dan sebenarnya sahabat kamu (Nabi Muhammad) itu (wahai golongan yang menentang Islam), bukanlah ia seorang gila (seperti yang kamu tuduh). (Al-Takwir:22)

Ayat ini menjelaskan bahawa bukanlah Muhammad (yang kamu bersahabat dengannya wahai orang-orang Quraisy) itu seorang yang gila. Kamu sudah menyaksikan dan mengetahui kebenarannya (Muhammad), kebersihannya dan kepintaran akalnya (al-Sabuni, 1997).

Begitu juga dengan firman Allah S.W.T:

مَا بِصَاحِبِكُمْ مِنْ جِنَّةٍ إِنْ هُوَ إِلَّا نَذِيرٌ لَكُمْ بَيْنَ يَدَيْ عَذَابٍ شَدِيدٍ

Maksudnya: Sebenarnya tidak ada pada (Muhammad) yang menjadi sahabat kamu sebarang penyakit gila (sebagaimana yang dituduh); ia hanyalah seorang Rasul pemberi amaran kepada kamu, sebelum kamu ditimpa azab yang berat (di akhirat). (Saba':46)

Ayat ini membawa maksud, jika kamu (Quraisy) berfikir tentang sahabat kamu (Muhammad) nescaya kamu mengetahui bahawa Baginda diutuskan dengan kedua-dua tangannya kitab ini (al-Quran) yang merupakan mukjizat dari Allah S.W.T kepadanya. Baginda tidak sedikitpun menghadapi gangguan dari makhluk halus, atau menghidap penyakit mental atau gila (al-Sabuni, 1997).

Daripada ayat-ayat al-Quran yang dinyatakan, jelas bahawa kalimah 'sahabat' disebut dalam al-Quran al-Karim. Allah S.W.T. menggunakan perkataan sahabat dalam menjelaskan pergaulan antara Nabi Muhammad S.A.W dengan orang Quraisy. Mereka sangat suka bersahabat dengan Rasulullah S.A.W. kerana Baginda terkenal dengan sifat jujur, benar dan dipercayai, sehingga mereka memberikan gelaran '*al-amin*' kepada Baginda S.A.W.

Walau bagaimanapun, persahabatan Rasulullah S.A.W bersama orang-orang kafir itu terputus apabila Baginda menyeru mereka untuk menyembah Allah S.W.T yang Maha Esa. Hubungan tersebut bertukar dari persahabatan yang baik kepada permusuhan yang ketat.

4.0 SAHABAT RASULULLAH S.A.W.

Rasulullah S.A.W sentiasa bergaul dengan sahabat-sahabat Baginda dalam kehidupan seharian. Di Antara para sahabat tersebut, baginda mempunyai seorang sahabat yang sentiasa membenarkan baginda diwaktu orang kafir mendustakan baginda, menemani baginda ketika kesusahan, ketakutan dan marabahaya. Beliau yang dimaksudkan ialah Abu Bakr al-Siddiq r.a. Sewaktu beliau menemani Rasulullah S.A.W untuk berhijrah ke Madinah al-Munawwarah, beliau telah mengorbankan segala-galanya demi baginda sehingga sanggup meninggalkan isteri tercinta, anak-anak yang tersayang dan segala urusan terpenting berkaitan harta yang dimilikinya demi sahabat tersayang iaitu Rasulullah S.A.W.

Pengorbanan Abu Bakr r.a. terhadap Rasulullah S.A.W telah dirakam oleh sirah sewaktu Baginda S.A.W mahu menyembunyikan diri dalam gua Thaur. Setelah tibanya Rasulullah S.A.W dan Abu Bakar r.a di hadapan pintu gua tersebut, beliau telah menahan Baginda dari memasuki gua tersebut, seraya memohon izin daripada Baginda untuk memeriksa keadaan dalam gua yang akan dijadikan sebagai tempat berlindung terlebih dahulu. Lalu beliau bingkas membersihkan gua tersebut, sambil menutupi lubang-lubang yang ada disekelilingnya, kecuali satu lubang sahaja yang beliau tutup dengan tapak kakinya sendiri. Kemudian Rasulullah S.A.W masuk dalam gua tersebut lalu tidur di atas paha beliau kerana kepenatan, sedangkan Abu Bakr r.a. menutup lubang dengan kakinya, menahan badan beliau dari bergerak, kerana bimbang Baginda merasa tidak selesa dan terjaga dari tidurnya.

Walau bagaimanapun Rasulullah S.A.W tersedar juga dari tidur tatkala titisan air yang sejuk berjatuhan dan mengalir di atas pipi Baginda yang mulia itu. Ini telah menyebabkan Baginda terperanjat lalu terjaga, lantas menyedari bahawa air itu adalah air mata Abu Bakr r.a yang sedang menahan kesakitan akibat dipatuk ular melalui lubang yang ditutup menggunakan kakinya. (al-Mubarakfuri, 1999). Pengorbanan yang begitu hebat ini telah dirakamkan oleh Allah S.W.T melalui firman-Nya:

إِلَّا تَنْصُرُوهُ فَقَدْ نَصَرَهُ اللَّهُ إِذْ أَخْرَجَهُ الَّذِينَ كَفَرُوا ثَانِيَ اثْنَيْنِ إِذْ هُمَا فِي الْغَارِ إِذْ يَقُولُ لِصَاحِبِهِ لَا تَحْزَنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَيْهِ وَأَيَّدَهُ بِجُنُودٍ لَمْ تَرَوْهَا وَجَعَلَ كَلِمَةَ الَّذِينَ كَفَرُوا السُّفْلَى وَكَلِمَةُ اللَّهِ هِيَ الْعُلْيَا وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: Kalau kamu tidak menolong Muhammad maka sesungguhnya Allah telah menolongnya, iaitu ketika kaum kafir mengeluarkannya dari negerinya Mekah sedang ia salah seorang dari dua orang semasa mereka berlindung di dalam gua, ketika ia berkata kepada sahabatnya: "Janganlah engkau berdukacita, sesungguhnya Allah bersama kita." Maka Allah

turunkan ketenangan kepada Nabi Muhammad dan menguatkannya dengan bantuan tentera malaikat yang kamu tidak melihatnya. Dan Allah menjadikan seruan orang kafir terkebawah, dan Kalimah Allah tertinggi; dan Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana

(Al-Taubah:40).

Dari kisah ini jelas menunjukkan kemuliaan dan keistimewaan Abu Bakr r.a yang sentiasa menemani Rasulullah S.A.W dan menjadi sahabat setia Baginda dalam perjalanan ke Madinah yang sangat mencabar. Inilah satu contoh dari sekian banyak contoh persahabatan sejati yang telah dinukilkan daripada sirah Baginda S.A.W.

5.0 ADAB PERSAHABATAN DALAM ISLAM

Islam adalah agama yang sangat mementingkan adab. Dengan adab umat Islam hidup dengan aman damai serta berkasih sayang antara satu sama lain, terutama dalam mewujudkan ikatan persahabatan. Di antara adab persahabatan dalam Islam adalah seperti berikut:

5.1 Mengucapkan Rasa Kasih Sayang Dengan Ikhlas Semata-Mata Kerana Allah S.W.T.

Mengucapkan rasa kasih sayang kepada seorang sahabat semata-mata kerana Allah S.W.T amat penting kerana ia akan melahirkan perasaan mesra dan gembira sahabat yang menerima ucapan tersebut. Justeru, orang yang menerima ucapan ini akan menjaga dirinya dan memelihara kepercayaan sahabatnya terhadap dirinya. Inilah yang dikehendaki oleh Islam supaya timbul rasa saling simpati dan menghormati di antara satu sama lain, di samping mencetuskan perasaan gembira dalam hatinya.

Rasulullah S.A.W telah bersabda berkenaan perkara ini yang berbunyi:

إِذَا أَحَبَّ الرَّجُلُ أَخَاهُ فَلْيُخْبِرْهُ أَنَّهُ يُحِبُّهُ.

Maksudnya: Apabila seorang lelaki mengasihi saudaranya, maka hendaklah memberitahu bahawa dia kasih kepadanya.

(Abu Dawud:5124, 2001).

Hadis ini jelas memberi galakkan supaya saling mengungkapkan perasaan kasih dan sayang kerana Allah S.W.T dalam kalangan sesama sahabat. Ucapan kasih sayang ini sudah tentu merupakan suatu perkara yang penting dalam menyemarakkan perasaan persaudaraan agar lebih kuat dan dekat lagi.

1. *Saling Tolong Menolong Antara Sahabat*

Tolong-menolong antara satu sama lain merupakan suatu sikap yang dituntut oleh agama. Sikap ini juga melambangkan persaudaraan dan perpaduan antara sahabat seagama. Ini kerana ia dapat mengeratkan lagi hubungan dan ikatan persahabatan antara satu sama lain. Al-Quran telah menegaskan perkara ini melalui firman Allah S.W.T:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Maksudnya: Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.

(Al-Maidah:2)

Maksud ayat di atas ialah tuntutan tolong-menolong pada melakukan kebaikan dan mendekatkan diri kepada Allah S.W.T serta meninggalkan kemungkar (al-Sabuni, 1997).

2. *Mengucap Tahniah Apabila Memperolehi Kebaikan Dan Mengucap Takziah Apabila Ditimpa Musibah*

Sahabat yang baik sentiasa menghargai kewujudan sahabatnya yang lain. Penghargaan tersebut boleh sahaja dizahirkan melalui ucapan selamat dan tahniah atas kejayaan dan pencapaian seperti perkahwinan, kelahiran anak, mendapat kerja, kenaikan pangkat dan sebagainya. Sementara perasaan simpati yang

diucapkan ketika musibah seperti kemalangan dan kematian sudah pasti menjadi penenang diri sewaktu kesedihan. Ucapan-ucapan seperti ini akan dapat melahirkan perasaan disayangi dan dihargai dalam persahabatan. Ia juga menumbuhkan perasaan kasih sayang dan mengukuhkan persaudaraan yang sedia terjalin. Perkara ini dengan jelas boleh dilihat dalam sepotong yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a seperti berikut:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ إِذَا رَفَأَ إِنْسَانًا، قَالَ: بَارَكَ اللَّهُ لَكَ، وَبَارَكَ عَلَيْكَ، وَجَمَعَ بَيْنَكُمَا عَلَى خَيْرٍ

Maksudnya: Rasulullah S.A.W apabila mengucapkan selamat kepada pengantin, baginda akan mengucapkan: “Semoga Allah (memberi) keberkatan buat kamu, (memberi) keberkatan ke atas kamu dan menyatukan kamu berdua (pengantin) dalam kebaikan

(Ahmad Ibn Hanbal:8956, 1993).

Begitu juga dengan hadis berikut:

مَنْ عَزَى مُصَابًا فَلَهُ مِثْلُ أَجْرِهِ

Maksudnya: Sesiapa yang mengucapkan takziah atas musibah (seseorang), dia akan mendapat ganjaran (kesabaran) seperti orang yang ditimpa musibah tersebut.

(Ibn Majah:1602).

3. Menziarahi Ketika Sakit

Islam agama yang menyantuni umat manusia secara keseluruhannya. Antara ciri akhlak Islam ialah santun dan prihatin terhadap umat manusia dengan menziarahi sahabat ketika sakit. Ini kerana ziarah dapat menimbulkan perasaan gembira dalam hati pesakit, menjadikan pesakit bermotivasi dan bersemangat.

Orang yang melakukan ziarah juga dimuliakan oleh Allah S.W.T. Perkara ini dijelaskan melalui sepotong hadis Rasulullah S.A.W:

من عاد مريضا أو زار أخا في الله ناداه مناد من السماء طبت وطاب ممشاك وتبوأ من الجنة منزلا.

Maksudnya: Sesiapa yang menziarahi orang sakit atau menziarahi saudaranya kerana Allah S.W.T, maka akan diseru kepadanya suatu suara dari langit dengan berkata: “Sungguh baik kamu, baik perjalanan kamu dan kamu telah dikurniakan tempat tinggal di syurga nanti

(al-Tirmizi:2008, 2005).

4. Tidak Mencela Dan Mengata Sahabat

Islam agama yang menanjurkan perdamaian, saling menghormati dan membantu antara satu sama lain dengan kasih sayang kerana Allah S.W.T. Tidak syak lagi sikap sebegini dapat menimbulkan keharmonian dan ketenteraman dalam masyarakat. Sebaliknya jika akhlak seperti ini diabaikan, maka akan mengundang perasaan saling mencurigai dan prasangka dalam perhubungan.

Antara cara Islam membendung daripada berlakunya masalah dalam persahabatan adalah dengan mengelakkan diri daripada mengata dan mengumpat orang lain. Perbuatan ini bukan sahaja boleh menyebabkan konflik dalam persahabatan bahkan ia juga termasuk sebahagian daripada dosa-dosa besar. Allah S.W.T berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَبَ بَعْضُكُم بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ

Maksudnya: Wahai orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa, dan janganlah kamu mencari kesalahan orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah kamu suka makan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu jijik kepadanya

(Al-Hujurat:12).

Allah S.W.T bukan sahaja melarang perbuatan mengumpat, bahkan lebih dari itu, Dia menyifatkan mereka yang mengumpat sama seperti memakan daging saudaranya yang telah meninggal dunia.

Begitu juga Baginda Rasulullah S.A.W turut menegaskan dalam sepotong hadis:

إياكم والغيبة فإن الغيبة أشد من الزنا إن الرجل قد يزني ويتوب فيتوب الله عليه وإن صاحب الغيبة لا يغفر له حتى يغفر له صاحبه.

Maksudnya: Hendaklah kamu menjauhi mengumpat, kerana mengumpat itu lebih berat dosanya dari berzina. Seorang lelaki terkadang berzina dan bertaubat maka Allah S.W.T menerima taubatnya, sebaliknya orang yang mengumpat itu tidak diampun oleh Allah S.W.T sehingga dia dimaafkan oleh orang yang diumpat itu terlebih dahulu

(al-Albani: 2204, t.t).

Ini adalah satu bentuk hipokrisi dalam persahabatan yang mengundang konflik dan pertelingkahan. Sikap seperti inilah yang merupakan suatu ancaman kepada etika persahabatan dan hubungan sosial.

5. Mendoakan Sahabat

Mendoakan sahabat dengan kebaikan merupakan suatu perkara yang digalakkan oleh Islam. Seseorang yang mendoakan kebaikan sahabatnya tergolong dalam mereka yang mendapat balasan doa daripada malaikat terhadapnya. Perkara ini telah disabdakan oleh Rasulullah S.A.W:

عَنْ صَفْوَانَ قَالَ قَدِمْتُ الشَّامَ فَأَتَيْتُ أَبَا الدَّرْدَاءِ فِي مَنْزِلِهِ فَلَمْ أَجِدْهُ وَوَجَدْتُ أُمَّ الدَّرْدَاءِ فَقَالَتْ أُرِيدُ الْحَجَّ الْعَامَ فَقُلْتُ نَعَمْ. قَالَتْ فَأَدْعُ اللَّهَ لَنَا بِخَيْرٍ فَإِنَّ النَّبِيَّ كَانَ يَقُولُ « دَعْوَةُ الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ لِأَخِيهِ بِظَهْرِ الْغَيْبِ مُسْتَجَابَةٌ عِنْدَ رَأْسِهِ مَلَكٌ مُوَكَّلٌ كُلَّمَا دَعَا لِأَخِيهِ بِخَيْرٍ قَالَ الْمَلَكُ الْمُوَكَّلُ بِهِ آمِينَ وَلَكَ بِمِثْلٍ ».

Maksudnya: Daripada Safwan, beliau berkata: Aku tiba di Syam lalu aku pergi ke rumah Abu Darda' tetapi beliau tidak ada di rumahnya. Lalu aku menemui Um al-Darda', lantas dia bertanya kepadaku: "Adakah kamu mahu pergi haji tahun ini?" Aku (Sofwan) menjawab: "Ya", lalu Um al-Darda' berkata: "Berdoalah kepada Allah buat kami kebaikan, kerana Rasulullah S.A.W bersabda: Doa seorang muslim bagi saudaranya dalam keadaan tersembunyi itu adalah mustajab. (Ini kerana) di kepalanya ada malaikat yang ditugaskan untuk setiap kali dia berdoa buat saudaranya kebaikan, berkatalah malaikat yang ditugaskan itu: "Ya Allah perkenankanlah dan bagi kamu (orang yang berdoa) juga perkara yang sama" (seperti yang didoakan buat saudaranya)

(Muslim:2733, 2006).

Rasulullah S.A.W ada bersabda dalam hadith yang lain:

مَنْ دَعَا لِأَخِيهِ بِظَهْرِ الْغَيْبِ قَالَ الْمَلَكُ الْمُوَكَّلُ بِهِ آمِينَ وَلَكَ بِمِثْلٍ

Maksudnya: Sesiapa yang berdoa buat saudaranya dalam keadaan tersembunyi, berkata Malaikat yang menjaganya: "Ya Allah, perkenankanlah dan kamu (orang yang berdoa) juga beroleh seperti itu" (seperti yang didoakan buat saudaranya)

(Muslim:2732, 2006).

Kedua-dua hadis ini merumuskan bahawa terdapat dua golongan yang mendapat manfaat daripada doa malaikat, iaitu:

- Mereka yang menerima doa atau yang ditujukan doa kepadanya sehingga diaminkan oleh Malaikat.
- Mereka yang berdoa atau mendoakan saudaranya juga akan didoakan oleh malaikat sebagaimana yang dipohonkan buat saudaranya itu.

Mendoakan sahabat bukan sahaja dianjurkan semasa mereka masih hidup, tetapi juga setelah mereka meninggal dunia. Sebahagian para salaf berkata bahawa si mati yang menerima kiriman doa seumpama orang yang hidup menerima hadiah. Malaikat akan datang kepada si mati membawa bekas yang bercahaya dan di atasnya ada tuala daripada cahaya. Lalu malaikat berkata: "Ini hadiah untuk kamu daripada sahabat kamu fulan dan daripada saudara kamu fulan." Lantas si mati berasa amat gembira dengan pemberian tersebut sebagaimana gembiranya orang yang hidup apabila menerima hadiah (al-Ghazali, 2010).

6. Tidak Membebankan Sahabat

Meminta seorang sahabat untuk melakukan suatu perkara yang tidak mampu untuk dilaksanakannya adalah sesuatu yang tidak beradab dalam Islam. Allah S.W.T juga tidak membebankan seorang hamba kecuali dengan apa yang mampu untuk dilaksanakannya. Firman Allah S.W.T:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Maksudnya: Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.

(Al-Baqarah:286)

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah S.W.T tidak membebankan seorang hamba untuk melakukan sesuatu kecuali apa yang ia mampu sahaja. Ironinya, bagaimana pula seorang manusia boleh membebankan orang lain untuk melakukan sesuatu yang melebihi kemampuannya? Oleh itu, seharusnya tabiat seperti ini di jauhi dan dihindari sama sekali agar tidak timbul sebarang persepsi negatif dalam persahabatan atau unsur mengambil kesempatan dalam persahabatan (al-Sabuni, 1997).

7. Bersahabat Dengan Tulus Dan Ikhlas

Keikhlasan merupakan inti kepada suatu amalan walau apa pun bentuknya. Bagi tujuan mencapai status persahabatan yang diberkati dan berkesinambungan hingga ke akhir hayat sudah tentu nilai keikhlasan amat diperlukan. Dengan keikhlasan, hubungan persahabatan akan memperoleh keredhaan Allah S.W.T dan ganjaran disisi-Nya. Sabda Rasulullah S.A.W:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah S.W.T tidak melihat kepada rupa paras dan harta kamu, tetapi (Dia) melihat pada hati dan amalan kamu.

(al-Farisi:394, 1997).

Oleh itu, persahabatan yang ikhlas tidak akan berakhir dengan kematian, bahkan ikatan persahabatan itu dilanjutkan melalui anak-anak kepada sahabat yang telah meninggal dunia. Sabda Baginda S.A.W:

إِنَّ أَبْرَّ الْبِرِّ صَلََةُ الْوَلَدِ أَهْلَ وَدِّ أَبِيهِ

Maksudnya: Sesungguhnya sebaik-baik kebajikan itu adalah (apabila) seorang anak melanjutkan silaturahmi dengan ahli keluarga kepada sahabat bapanya

(Muslim:2552, 2006).

8. Mengutamakan Keperluan Sahabat

Antara ciri keunggulan suatu ikatan persahabatan adalah penonjolan sifat *ithar*. Ia bermaksud sifat seseorang yang mengutamakan keperluan sahabat berbanding keperluan dirinya sendiri.

Sejarah merakamkan pada satu peperangan, ada beberapa orang sahabat Rasulullah S.A.W telah tercedera disebabkan oleh serangan musuh. Dalam keadaan kecederaan yang parah itu masing-masing meminta air untuk diteguk. Lalu apabila dibawa bekas air ke sisi mereka, terdengar suara sahabat lain yang parah yang turut meminta air, lantas sahabat pertama meminta didahulukan sahabat yang kedua itu terlebih dahulu.

Apabila air diberikan kepada sahabat yang kedua, terdengar pula suara sahabat lain yang parah turut meminta air. Lantas sahabat kedua tersebut menyuruh air itu dibawa kepada sahabat ketiga yang lebih memerlukan. Apabila diberikan air tersebut kepada sahabat ketiga, terdengar pula suara sahabat lain yang turut parah meminta air. Lalu sahabat ketiga yang mendengar permintaan tersebut menyuruh air tersebut diberikan kepada sahabat keempat yang lebih memerlukan. Apabila air tersebut menghampiri sahabat keempat, dia menyuruh dibawa air tersebut kepada sahabat yang pertama. Lalu apabila air itu dibawa kepada sahabat yang pertama, didapati dia sudah mati syahid. Lantas dibawa pula kepada sahabat yang kedua, didapati juga dia telah mati syahid. Kemudian segera dibawa air kepada sahabat ketiga, dia juga telah mati syahid dan begitu juga berlaku pada yang sahabat keempat yang turut mati syahid hanya kerana merasakan sahabat yang lain lebih memerlukan air berbanding diri sendiri (al-Baihaqi:3209, 2003).

Berkaitan sifat ini, Allah S.W.T telah menyebutkan di dalam Al-Quran melalui firman-Nya:

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُجْزَوْنَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَى أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَنْ يُوقِ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: Dan orang yang mendiami kota (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada di dalam hati mereka perasaan berhasratkan apa yang telah diberi kepada orang yang berhijrah itu; dan mereka mengutamakan (kaum Muhajirin itu) lebih daripada diri sendiri, sekalipun mereka dalam kesusahan. Dan sesiapa yang memelihara dirinya daripada kebakhilannya, maka mereka itulah orang yang berjaya.

(Al-Hasyr:9)

9. Tidak Menyakiti Sahabat Atau Membiarkan Untuk Disakiti Atau Dizalimi

Muslim yang baik tidak akan menyakiti sahabatnya sama sekali. Malah menjadi cermin yang dapat membalikkan keburukan seorang sahabat dengan menasihatinya agar berubah ke arah kebaikan.

Sahabat yang baik juga tidak akan menzalimi temannya dan tidak akan membiarkannya dizalimi oleh sesiapa pun. Ini kerana perbuatan zalim adalah satu kegelapan pada hari kiamat. Sabda Rasulullah S.A.W berbunyi:

إِنَّا كُفِّرْنَا وَالظُّلْمَ فَإِنَّ الظُّلْمَ ظُلُمَاتٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يَا أَيُّهَا النَّاسُ

Maksudnya: Waspadalah kamu dari kezaliman, kerana kezaliman itu adalah suatu kegelapan (perkara yang mengundang bala) pada hari kiamat.

(Ahmad Ibn Hanbal:5834, 1993).

Rasulullah S.A.W melarang keras kezaliman melalui sabda Baginda dengan menggunakan lafaz إِنَّا كُفِّرْنَا yang maksud “waspadalah kamu”, atau dengan kata lain “jauhilah kezaliman”.

10. Menasihati Sahabat

Antara hak seorang sahabat dari sahabatnya ialah sentiasa menasihatinya dengan kebaikan secara berhikmah. Ia jelas boleh dirujuk kepada sabda Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah r.a:

بايعت رسول الله ﷺ على إقام الصلاة وإيتاء الزكاة والنصح لكل مسلم.

Maksudnya: Saya telah berbai'ah kepada Rasulullah S.A.W untuk mendirikan solat, menunaikan zakat dan menasihati setiap muslim

(al-Bukhari:57, 1998).

Menasihati sahabat agar melakukan kebaikan, mengajaknya menunaikan perintah Allah S.W.T dan mengingatkannya dari melanggar perintah-Nya merupakan tuntutan persahabatan yang terpuji. Amalan ini dapat memastikan persahabatan berada di atas landasan ukhuwah yang diredhai Allah.

11. Memperbaiki Kekurangan Sahabat

Antara tanggungjawab dalam sebuah persahabatan adalah memperbaiki kekurangan sahabat. Ini dilakukan dengan tujuan untuk memperbaiki kelemahan seseorang sama ada pada akhlak, amalan dan akidah. Sebaliknya, menceritakannya kepada orang lain bukanlah jalan terbaik untuk memperbaiki kelemahan atau kekurangan tersebut bahkan termasuk dalam perkara umpat dan cela yang ditegah.

Tindakan memperbaiki keburukan seorang sahabat dan menunjukkan kepadanya jalan kebaikan akan diberikan pahala oleh Allah S.W.T yang sama seperti dia melakukan kebaikan itu sendiri. Rasulullah S.A.W bersabda:

إِنَّ الدَّالَّ عَلَى الْخَيْرِ كَفَعْلِهِ

Maksudnya: Sesungguhnya seseorang yang menunjukan kebaikan kepada orang lain, maka seolah-olah dia melakukannya sendiri

(al-Tirmizi:2670, 2005).

12. Memahami Kondisi Sahabat Dan Bertoleransi Terhadapnya

Satu lagi akhlak yang perlu ditonjolkan dalam persahabatan adalah memahami kondisi sahabat dan bertoleransi dengannya. Apabila persefahaman ini dapat diwujudkan dalam hubungan persahabatan ia akan melahirkan suasana keakraban dan keselesaan dalam hubungan tersebut.

Memahami kondisi sahabat terutamanya sewaktu menghadapi kesempitan adalah adab yang dituntut. Justeru, Islam sentiasa menyuruh umatnya supaya sentiasa memberi kemudahan dan toleransi terhadap satu sama lain. Ini jelas dilihat dari hadis Rasulullah S.A.W:

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ فِي الدُّنْيَا يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمَنْ سَتَرَ عَلَى مُسْلِمٍ فِي الدُّنْيَا سَتَرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ

Maksudnya: Sesiapa yang melepaskan satu kesusahan seorang muslim, pasti Allah akan melepaskan darinya satu kesusahan pada hari kiamat. Sesiapa yang menjadikan mudah urusan orang lain, pasti Allah akan memudahkannya di dunia dan di akhirat. Sesiapa yang menutup aib seorang muslim, pasti Allah akan menutupi aibnya di dunia dan di akhirat. Allah senantiasa menolong hamba-Nya selama hamba-Nya itu suka menolong saudaranya.

(al-Tirmizi:1930, 2005)

13. Mengembirakan Sahabat

Antara kesempurnaan dalam hubungan persahabatan adalah mengembirakan sahabat sebagaimana yang disukai untuk diri sendiri. Sikap ini bukan sahaja menonjolkan nilai-nilai akhlak dalam persahabatan, bahkan ia juga adalah kesempurnaan iman. Rasulullah S.A.W bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ.

Maksudnya: Tidak sempurna keimanan seseorang kamu, sehingga ia menyukai (sesuatu) buat saudaranya, sebagaimana yang disukai buat dirinya sendiri

(al-Bukhari:13, 1998)

Jelas melalui hadis ini Baginda S.A.W menyatakan bahawa kesempurnaan ini tidak akan tercapai tanpa ada rasa suka melihat kebaikan pada orang lain terutamanya sahabat.

Jika sikap ini gagal diterapkan dalam persahabatan dibimbangi sifat lain yang akan muncul dan mengambil kedudukan iaitu hasad. Jika hasad mulai menyelinap dalam suatu hubungan, maka seseorang akan gembira dengan kegagalan, kesusahan dan bala bencana yang menimpa saudaranya. Bernarilah sabda Baginda S.A.W:

إِيَّاكُمْ وَالْحَسَدَ فَإِنَّ الْحَسَدَ يَأْكُلُ الْحَسَنَاتِ كَمَا تَأْكُلُ النَّارُ الْحَطَبَ.

Maksudnya: Waspadalah kamu terhadap hasad. Sesungguhnya hasad itu memakan kebaikan kalian sebagaimana api memakan kayu.

(Abu Dawud: 4903, 2001)

6.0 KESIMPULAN

Islam agama yang mengambil berat terhadap hubungan sosial sesama manusia. Antara hubungan sosial ini adalah persahabatan. Sahabat ialah seorang yang sentiasa mendampingi seseorang sama ada dikala senang atau susah serta sentiasa memberi nasihat kearah kebaikan. Hubungan persahabatan bukan semata-mata bagi memenuhi kehendak sosial yang berakhir di dunia, tetapi dalam konteks Islam persahabatan juga akan turut dipersoalkan di akhirat. Jika disorot lembaran sejarah Islam, nescaya akan terpapar peranan-peranan penting yang telah dimainkan oleh para sahabat Nabi S.A.W dalam memperjuangkan Islam dan meluaskan dakwah. Atas kepentingan tersebut, maka hubungan ini wajar diberi perhatian.

Bagi menjamin kerukunan dalam hubungan persahabatan, Islam telah menggariskan beberapa adab yang perlu diraikan dalam hubungan tersebut. Sebagai panduan, tema persahabatan ini telah dirakamkan oleh beberapa ayat Al-Quran dan hadis Rasulullah S.A.W yang menunjukkan kepentingan hubungan persahabatan dalam Islam serta etika yang perlu dijaga dalam memeliharanya.

Dalam rangka mengeratkan hubungan antara sahabat, maka Islam telah menganjurkan beberapa adab dalam pergaulan. Adab-adab ini seperti mengucapkan rasa kasih sayang dengan ikhlas semata-mata kerana Allah S.W.T, saling tolong menolong antara sahabat, mengucapkan tahniah bila memperolehi kebaikan dan mengucapkan takziah bila ditimpa kesusahan atau musibah, menziarahi sahabat ketika sakit, tidak mencela dan mengata sahabat, mendoakan sahabat, tidak membebaskan sahabat, bersahabat dengan tulus dan ikhlas, mengutamakan keperluan sahabat, tidak menyakiti sahabat atau membiarkan untuk disakiti atau dizalimi, menasihati sahabat, memperbaiki kekurangan sahabat, memahami kondisi sahabat dan bertoleransi dengannya dan mengembirakan sahabat,

Persahabatan yang dibina berdasarkan adab-adab yang telah dinyatakan di atas akan menjadi pemangkin kepada pembinaan kesatuan dalam masyarakat. Manakala nilai-nilai yang disemai dalam persahabatan tersebut akan menjadi ikutan kepada generasi anak-anak yang akan belajar daripada cara ibu dan bapa mereka bersahabat.

7.0 BIBLIOGRAPHY

- Abu Dawud, A.-I. a.-H.-A.-S. (2001). *Sunan Abi Dawud*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ahmad Ibn Hanbal, A. A. (1993). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Albani, M. N.-D. (t.t). *Dhaif al-Jami' Al-Kabir Wa Ziyadatub*. Al-Maktabah al-Islami.
- Al-Baihaqi, A. b.-H. (2003). *Syiah al-Iman*. Riyadh: Maktabah al-Rushd Li al-Nashr Wa al-Tauzi' .
- Al-Bukhari, A. A. (1998). *Sahih al-Bukhari*. Riyadh: International Ideas Home For Publishing and Distribution.
- Al-Ghazali, A. H. (2010). *Ihya' Ulum al-Din*. Damsyik: Dar al-Faiha'.
- al-Jurjani, A.-S. a.-S. (2000). *Al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mubarakfuri, S. a.-R. (1999). *Al-Rahiq Al-Makhtum*. Khartoum: Dar al-Sudaniyyah Li al-Kutub.
- Al-Sabuni, M. A. (1997). *Safwah al-Tafasir*. Kaherah: Dar al-Sabuni.
- Al-Tirmizi, A. '. (2005). *Sunan al-Tirmizi*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Zubaidi, A.-S. M.-H. (2002). *Ithaf al-Sadat al-Muttaqin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Balban, A.-A. '-D.-F. (1997). *Sahih Ibn Hibban Bi Tartib Ibn Balban*. Beirut: Muassah al-Risalah.
- Ibn Kathir. (1992). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Majah, A. A.-Q. (n.d.). *Sunan Ibn Majah*. Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiah.
- Ibn Manzur. (1997). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Muslim, A. a.-H.-H.-Q. (2006). *Sahih Muslim*. Riyadh: Dar Taybah Li al-Nashr Wa al-Tawzi'.
- Noresah, H. N. (Ed.). (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.